



**GARIS PANDUAN  
BAYARAN ANSURAN BAGI  
RAWATAN ORTODONTIK DI FASILITI  
PERGIGIAN  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**PROGRAM KESIHATAN PERGIGIAN  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

## ISI KANDUNGAN

1.0 PENGENALAN .....	3
2.0 TUJUAN .....	4
3.0 LATAR BELAKANG .....	4
4.0 PEMAKAIAN .....	4
5.0 PELAKSANAAN BAYARAN ANSURAN RAWATAN ORTODONTIK .....	6
6.0 RASIONAL .....	7
7.0 KESIMPULAN .....	8
8.0 PENGHARGAAN.....	8
9.0 RUJUKAN .....	10
<b>LAMPIRAN</b>	
Appendix A .....	11
Appendix B .....	12
Appendix C .....	13
Appendix D .....	14
Appendix E .....	15

## 1.0 PENGENALAN

Pesakit warganegara yang mendapatkan rawatan pesakit luar di Kementerian Kesihatan Malaysia adalah dikenakan caj sebagaimana yang digariskan di bawah Perintah Fi (Perubatan) (Pindaan) 2017. Merujuk kepada Jadual F (Caj Pergigian) bagi rawatan pergigian, rawatan pergigian Ortodontik termasuk di dalam caj rawatan yang perlu di bayar oleh pesakit secara sekali gus (*lump sum*).

Pesakit yang kurang berkemampuan boleh memohon pengecualian seperti mana yang dinyatakan pada perenggan 16(7) Perintah Fi (Perubatan) 1982. Walau bagaimanapun, terdapat situasi di mana pesakit kurang berkemampuan untuk melaksanakan pembayaran rawatan Ortodontik secara sekali gus tetapi bersedia untuk membayar secara ansuran mengikut tempoh dan jumlah bayaran tertentu yang dipersetujui oleh pesakit.

Bahagian Kewangan mendapati terdapat fasiliti KKM yang telah melaksanakan pembayaran rawatan secara ansuran mengikut format kutipan yang berbeza-beza. Sehubungan itu, Bahagian Kewangan, KKM melalui Ketua Setiausaha, KKM telah bersetuju dengan pelaksanaan bayaran ansuran bagi rawatan Ortodontik oleh pesakit warganegara di fasiliti pergigian KKM melalui Memo Bahagian Kewangan, KKM yang bertarikh 18 Jun 2020 rujukan KKM.400-9/1/2 Jld 14 (32). Pelaksanaan bayar ansuran ini adalah serta merta.

Garis panduan / *Standard Operating Procedure* (SOP) ini juga dilaksanakan bagi memastikan tatacara bayaran ansuran bagi rawatan Ortodontik adalah teratur dan seragam serta mematuhi peraturan kewangan yang telah ditetapkan. Di samping itu, ia dapat menyeragamkan rekod bayaran ansuran bagi rawatan Ortodontik di fasiliti pergigian KKM dan memudahkan pemantauan jumlah tunggakan semasa yang perlu dibayar oleh pesakit. Garis panduan ini juga dapat memudahkan penyediaan laporan kewangan dengan lebih cepat dan tepat bagi data yang melibatkan rekod bayaran dan tunggakan di fasiliti pergigian KKM. Selain itu, kriteria pesakit dan jenis rawatan Ortodontik yang layak menerima bayaran ansuran dapat dikenal pasti.

## 2.0 TUJUAN

- 2.1 Garis Panduan Bayaran Ansuran bagi Rawatan Ortodontik di Fasilitas Pergigian KKM ini dikeluarkan sebagai makluman kepada semua Bahagian Kesihatan Pergigian Negeri, Pejabat Kesihatan Pergigian Daerah, dan hospital-hospital Kerajaan yang diiktiraf sebagai Pusat Tanggungjawab (PTJ).

## 3.0 LATAR BELAKANG

- 3.1 Semua Pegawai Pengawal dan Pemungut termasuk Kerajaan Negeri, Badan Berkanun, pihak berkuasa tempatan, koperasi dan syarikat yang mengutip hasil pinjaman dan hutang-hutang lain bagi Kerajaan Persekutuan, bertanggungjawab untuk memungut semua terimaan Kerajaan selaras dengan Arahan Perbendaharaan, Perintah-Perintah dan Surat Pekeliling yang berkuat kuasa.
- 3.2 Garis panduan ini hendaklah dibaca bersama Perintah Fi (Perubatan) 1982 dan Perintah Fi (Perubatan) (Pindaan) 2017 bagi pengenaan caj perkhidmatan kesihatan kepada pesakit bertaraf warganegara Malaysia.
- 3.3 Pelaksanaan bayaran ansuran bagi rawatan Ortodontik oleh pesakit warganegara telah dimaklumkan melalui Memo Bahagian Kewangan, KKM yang bertarikh 18 Jun 2020 rujukan KKM.400-9/1/2 Jld 14 (32).

## 4.0 PEMAKAIAN

- 4.1 Garis Panduan Bayaran Ansuran bagi Rawatan Ortodontik di Fasilitas Pergigian KKM adalah **terhad** kepada pesakit luar yang bertaraf **warganegara Malaysia yang kurang berkemampuan sahaja**. Ia tidak dipanjangkan kepada semua pesakit di fasilitas pergigian KKM, dan dilaksanakan secara **case to case basis** sahaja.
- 4.2 Pesakit yang kurang kemampuan yang layak menerima bayaran secara ansuran adalah pesakit warganegara Malaysia berpendapatan rendah yang dikategorikan di dalam **golongan B40** dan layak menyertai **PeKa**

**B40.** Golongan ini merupakan rakyat Malaysia yang berada di dalam lingkungan 40% pendapatan isi rumah bulanan terendah. Pesakit perlu mengemukakan bukti atau dokumen sokongan yang menyokong status sebagai golongan B40, seperti dokumen penerimaan Bantuan Sara Hidup (BSH). Pesakit dan anggota klinik juga boleh menyemak kelayakan di <http://kelayakan.pekab40.com.my/semakan-kelayakan> dengan memasukkan nombor MyKad (**Appendix A**).

- 4.3 Berikut merupakan kriteria pesakit yang layak memohon pertimbangan bayaran ansuran.

Pesakit dibawah tanggungan ibu bapa/ penjaga :

- i. Warganegara Malaysia (MyKad)
- ii. Ibu bapa/penjaga dari golongan B40

Pesakit dewasa :

- i. Warganegara Malaysia (MyKad)
- ii. Individu dari golongan B40

- 4.4 Bayaran secara ansuran adalah **terhad** kepada pesakit yang memerlukan rawatan Apliance Ortodontik Tetap termasuk *auxiliaries* dan Apliance Pemegang (*retainer*).
- 4.5 Bayaran secara ansuran maksimum sebanyak lima (5) kali bagi rawatan pergigian Ortodontik adalah mengikut peringkat rawatan serta tertakluk kepada pindaan kaedah atau peringkat rawatan (**Appendix B**).
- 4.6 Pelaksanaan bayaran ansuran bagi rawatan Ortodontik di fasiliti pergigian KKM berkuat kuasa sehari selepas kelulusan untuk pelaksanaan.

## 5.0 PELAKSANAAN BAYARAN ANSURAN RAWATAN ORTODONTIK

- 5.1 Bagi situasi di mana pesakit kurang berkemampuan untuk melaksanakan pembayaran rawatan Ortodontik penuh sekali gus, pesakit dibenarkan untuk mengemukakan permohonan pembayaran secara ansuran kepada Ketua Jabatan dengan mengisi Lampiran C1 - Borang Permohonan Bayaran Ansuran Bagi Rawatan Ortodontik (**Appendix C**) di mana pegawai yang telah diberi kuasa berhak membuat pertimbangan dan meluluskan pembayaran bil secara ansuran.
- 5.2 Tiga (3) kategori kelulusan permohonan bayaran ansuran rawatan Ortodontik yang boleh diberikan kepada pesakit adalah seperti berikut:
- i. diluluskan pengurangan rawatan Ortodontik untuk pesakit yang menerima bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat.
  - ii. diluluskan pembayaran rawatan Ortodontik secara ansuran untuk pesakit berpendapatan rendah atau golongan B40.
  - iii. tidak diluluskan sebarang pengecualian.
- 5.3 Bagi kes di mana pesakit dibenarkan untuk membuat pembayaran secara ansuran, kutipan bayaran hendaklah dikendalikan seperti berikut:
- 5.3.1 Bayaran ansuran sebanyak maksima lima (5) kali ditetapkan. Ini bermakna pesakit dikehendaki membayar **minimum** 20% daripada caj berkenaan bagi ansuran kali pertama dan dikehendaki membayar **minimum** 20% bagi ansuran kali kedua dan seterusnya sehingga kali kelima.
- 5.3.2 Pengiraan bayaran juga hendaklah ditetapkan berdasarkan nilai ringgit terdekat bagi mengelakkan pengiraan dan kutipan bayaran yang melibatkan jumlah yang kecil. Sebagai contoh, bagi pembayaran bil rawatan Ortodontik bernilai RM 1274.00, kutipan bayaran ansuran pertama berjumlah RM 255.00 hendaklah di buat, dan bukannya RM 254.80.

- 5.3.3 Pelaksanaan pembayaran ansuran hendaklah diselesaikan oleh pesakit berdasarkan peringkat rawatan Ortodontik yang telah diselesaikan (**Appendix B**).
- 5.3.4 Maklumat pesakit dan maklumat bil/tunggakan yang berkenaan hendaklah direkodkan ke dalam Buku Rekod Bayaran Ansuran bagi Rawatan Ortodontik seperti di **Appendix B** dan Kad LP7 pesakit di cap dengan menggunakan Cap Bayaran Ansuran seperti di **Appendix D**.
- 5.3.5 Resit yang dicatatkan "Bayaran \_\_\_\_% (ansuran kali\_\_\_\_) rawatan pergigian Ortodontik sebanyak RM\_\_\_\_" perlu diberikan kepada pesakit dan direkodkan ke dalam kad rawatan pesakit. Pesakit juga perlu dimaklumkan bahawa bayaran ansuran yang telah dibuat **tidak boleh dituntut semula** (*non-refundable*).
- 5.3.6 Sekiranya pesakit gagal mematuhi jadual pembayaran di **Appendix B**, **pembayaran sekali gus keseluruhan baki** perlu dilaksanakan serta-merta.
- 5.3.7 Carta Alir Bayaran Ansuran bagi Rawatan Ortodontik adalah seperti di **Appendix E**.

## 6.0 RASIONAL

- 6.1 Bayaran secara ansuran bagi rawatan Ortodontik di fasili pergigian KKM ini diharapkan dapat memberi kemudahan dan meringankan beban keluarga pesakit yang kurang berkemampuan.
- 6.2 Pembayaran secara ansuran juga dapat memberi peluang dan kemudahan kepada rakyat Malaysia terutamanya golongan B40 untuk mendapatkan rawatan Ortodontik di fasiliti pergigian KKM.

## 7.0 KESIMPULAN

Bayaran ansuran bagi rawatan Ortodontik di fasiliti pergigian KKM hanya diberi kepada pesakit yang kurang berkemampuan melalui bayaran ansuran maksima sebanyak lima (5) kali. Peringkat bilangan bayaran ansuran ini adalah mengikut peringkat rawatan Ortodontik yang telah dijalankan. Pesakit yang kurang berkemampuan dan memerlukan bayaran secara ansuran akan dinasihatkan untuk memohon kepada pegawai yang diberi kuasa dengan cara mengisi borang **Lampiran C1 (Appendix C)**. Permohonan pesakit tersebut akan di nilai dan di luluskan oleh pegawai yang diberi kuasa. Pegawai tersebut akan merekodkan bayaran ansuran bagi rawatan Ortodontik pesakit secara lengkap dan tepat melalui prosedur yang telah dinyatakan dalam garis panduan ini.

## 8.0 PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada Bahagian Pengurusan Hasil, Bahagian Kewangan, Kementerian Kesihatan Malaysia di atas bantuan dalam menyemak dan memastikan Garis Panduan Bayaran Ansuran bagi Rawatan Ortodontik di Fasiliti Pergigian, Kementerian Kesihatan Malaysia ini teratur, seragam serta mematuhi peraturan kewangan yang telah ditetapkan.



**Penaung:**

- i. Dr. Noormi binti Othman  
Pengarah Kanan (Kesihatan Pergigian)  
Kementerian Kesihatan Pergigian

**Penasihat:**

- ii. Dr. Fauziah binti Ahmad  
Pengarah  
Bahagian Penjagaan Kesihatan Pergigian

**Pengerusi:**

- iii. Dr Arjunan a/l Muthusamy  
Pakar Perunding Kanan Ortodontik  
Unit Pakar Ortodontik  
KP Presint 18, WP Putrajaya

**Ahli Jawatankuasa Kerja:**

- |  |  |
|--|--|
| iv. Dr. Fatimah binti Abdullah<br>Pakar Perunding Ortodontik<br>Unit Pakar Ortodontik<br>KP Cahaya Suria, WPKL     | vii. Dr. Wing Pik Yong<br>Pakar Ortodontik<br>Unit Pakar Ortodontik<br>KP Melaka Tengah<br>Jln. Tun Sri Lanang, Melaka                   |
| v. Dr. Sharina binti Sharudin<br>Pakar Ortodontik<br>Unit Pakar Ortodontik<br>KP Indera Mahkota<br>Kuantan, Pahang | viii. Dr. Lynnora Patrick Majawit<br>Pakar Ortodontik<br>Unit Pakar Ortodontik<br>KP Hospital Queen Elizabeth II<br>Kota Kinabalu, Sabah |
| vi. Dr. Ong Siang Ching<br>Pakar Ortodontik<br>Unit Pakar Ortodontik<br>KP Kota Bharu, Kelantan                    | viiii. Dr. Mohd Fariq bin Usoff<br>Pakar Ortodontik<br>Unit Pakar Ortodontik<br>KP Pasir Puteh, Kelantan                                 |

## 9.0 RUJUKAN

1. Memo Bahagian Kewangan KKM (Pelaksanaan Bayaran Ansuran Bagi Rawatan Ortodontik di Fasiliti Pergigian Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)-Ruj: KKM.400-9/1/3 Jld14(32) bertarikh 18 Jun 2020.
2. Memo Bahagian Kewangan KKM (Pelaksanaan Bayaran Ansuran Bagi Rawatan Ortodontik di Fasiliti Pergigian Kementerian Kesihatan Malaysia(KKM)-Ruj: KKM.400-9/1/3 Jld15(17) bertarikh 13 Julai 2020.
3. Garis Panduan Pembayaran Secara Ansuran Bil Rawatan Pesakit Dalam Kementerian Kesihatan Malaysia- Ruj: KKM.400-9/1/3 Jld12(38) bertarikh 6 Februari 2020.

**DOKUMEN SOKONGAN UNTUK PESAKIT YANG LAYAK MENERIMA BAYARAN ANSURAN :**  
 ( <http://kelayakan.pekab40.com.my/semakan-kelayakan> )

(Keratan ini dicetak oleh LHDNM / MoP)

AKUAN PENERIMAAN PERMOHONAN BPR	
Nama Pemohon Nombor MyKad Pemohon Nama Pegawai Penerima	<div style="border: 1px solid black; padding: 5px; text-align: center;">                     31 JAN 2021                      PKH PASIR PUTEH ( 01 )                      Tanah &amp; Cawangan                 </div>

Utama | Manfaat | Semakan Kelayakan | Makluman | Soalan Lazim | Klinik PeKa B40 | Media | Hubungi Kami

BM EN 中文  
 ڤاسيڤ

**Semakan Kelayakan**

---

Anda **LAYAK** untuk program PeKaB40 untuk tahun 2021.

Semak Semula

**Kriteria Kelayakan**

Semakan Kelayakan

Klinik PeKa B40

Hakcipta Terpelihara © 2019 - ProtectHealth Corporation Sdn Bhd (127317) (didaftarkan di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia) Dewan Pilihan | Dewan Keselamatan

**PESAKIT YANG TIDAK LAYAK:**

Utama | Manfaat | Semakan Kelayakan | Makluman | Soalan Lazim | Klinik PeKa B40 | Media | Hubungi Kami

BM EN 中文  
 ڤاسيڤ

**Semakan Kelayakan**

---

Sorry, you are **NOT ELIGIBLE** for PeKa B40 in 2020 because you are not a BSH recipient.

Nombor MyKad

Sila masukkan nombor MyKad (12 digit) tanpa tanda pengang.  
 Contoh: 660424025123

Semak Semula

**Kriteria Kelayakan**

Semakan Kelayakan

Klinik PeKa B40

Hakcipta Terpelihara © 2019 - ProtectHealth Corporation Sdn Bhd (127317) (didaftarkan di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia) Dewan Pilihan | Dewan Keselamatan

## BUKU REKOD BAYARAN ANSURAN BAGI RAWATAN ORTODONTIK

Nama: .....

No. Kad Pengenalan : .....

No. Pendaftaran : .....

Jumlah Bayaran : .....

Bil	Ansuran	Peringkat Rawatan	Bayaran (RM)	Tandatangan Penerima Bayaran
1	Bayaran Pertama (20%)	Pemasangan aplian tetap		
2	Bayaran Kedua (20%)	Pertukaran <i>archwire</i> kedua		
3	Bayaran Ketiga (20%)	Pertukaran <i>archwire</i> ketiga/ <i>round stainless steel</i>		
4	Bayaran Keempat (20%)	Pertukaran <i>archwire</i> rectangle/ Peringkat <i>finishing</i>		
5	Bayaran Kelima (20%)	Sebelum <i>debonding</i>		
<b>Jumlah Bayaran</b>				



Ruj. Fail : .....

LAMPIRAN C1

**BORANG PERMOHONAN BAYARAN ANSURAN  
BAGI RAWATAN ORTODONTIK**

Permohonan di buat oleh :

IBU/BAPA/PENJAGA	PESAKIT ORTODONTIK
Nama: .....	Nama : .....
No. K/P: .....	No. K/P : .....
Alamat: .....	No Pendaftaran : .....
.....	

Saya ingin memohon agar pembayaran bil rawatan Ortodontik berjumlah RM ..... dibuat secara ansuran memandangkan saya tidak mampu membuat bayaran penuh sekali gus. Sehubungan itu, saya bersetuju dengan kadar ansuran yang ditetapkan seperti di bawah. Saya juga faham, sekiranya saya gagal melangsaikan bil mengikut jadual, saya perlu membayar penuh baki bil dalam kadar segera.

Bil	Ansuran	Peringkat Rawatan	Bayaran (RM)
1	Bayaran Pertama (20%)	Pemasangan Aplan Tetap	
2	Bayaran Kedua (20%)	Pertukaran Archwire kedua	
3	Bayaran Ketiga (20%)	Pertukaran Archwire ketiga	
4	Bayaran Keempat (20%)	Pertukaran Archwire ke empat/ "finishing archwire"	
5	Bayaran Kelima (20%)	Sebelum debonding	
		Jumlah Bayaran	

Saya merupakan penerima Bantuan Rakyat 1Malaysia (BRIM) dari golongan B40 yang berpendapatan isi rumah sebanyak RM ..... sebulan.

(Salinan dokumen berkaitan disertakan)

Yang Benar,

.....  
(Tandatangan pemohon)

---

 Permohonan di luluskan / Tidak di luluskan

.....  
(Tandatangan Pegawai Pergigian Daerah / Pegawai yang diberikan kuasa)


Nama. :  
Jawatan :  
Tarikh :

**Contoh Cap Bayaran Ansuran bagi Rawatan Ortodontik**

<b>Bil</b>	<b>Tarikh</b>	<b>No Resit</b>	<b>Jumlah Bayaran</b>	<b>Baki Bayaran</b>	<b>Catatan</b>

## CARTA ALIR BAYARAN ANSURAN BAGI RAWATAN ORTODONTIK

Appendix E



**SINGKATAN**

PPP -Pembantu Pembedahan Pergigian

PT -Pembantu Tadbir